

11 NOV 2003

Abdullah-Prosedur

ABDULLAH MAHU PROSEDUR PERKHIDMATAN AWAM DIPERKEMAS

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu setiap langkah diambil bagi memperbaiki dan memperkemas lagi prosedur kerja perkhidmatan awam bagi menjamin urusan pentadbiran negara berjalan lancar dan rakyat menikmati sistem perkhidmatan awam yang berkesan.

Perdana Menteri berkata kakitangan awam juga perlu sentiasa meningkatkan kemampuan termasuk dengan menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang tugas masing-masing.

"Ini bermakna tenaga kerja, peralatan dan prosedur perlu sentiasa menunjukkan hasil yang meningkat," kata Abdullah ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan, yang turut menjadi majlis sambutan hari pertama beliau menjejakkan kaki ke pejabatnya sebagai Menteri Kewangan yang baru.

Sambil berikrar akan menjalankan tugas sebagai Menteri Kewangan dengan bersungguh-sungguh, beliau berkata semua ini penting bagi menjamin kejayaan negara, yang diwarisi daripada pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini, dapat diuruskan dengan baik "bahkan ditokok tambah lagi".

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, kedua-dua Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh dan Datuk Dr Ng Yen Yen serta Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Shamsudin Hitam.

Abdullah berkata sememangnya sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun menerajui negara adalah hebat.

Katanya: "Apa yang penting ialah kita perlu menguruskan kejayaan yang kita warisi itu. Maknanya kita mahu kejayaan yang telah diperolehi itu tidak pula nanti menurun, hilang atau terhakis.

"Yang sudah kita terima, kita pegang dengan baik supaya ia tidak tercacir atau hilang. Di samping itu kita perlu menokok tambah lagi supaya yang dikejar boleh dapat, yang di kilik tak tercacir."

Abdullah berkata sistem kewangan negara mesti diuruskan dengan cekap bagi melahirkan keyakinan golongan pelabur dan peniaga serta rakyat negara ini.

Beliau meminta semua rakyat Malaysia memberikan komitmen sepenuhnya dan berusaha ke arah kecemerlangan dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Terdahulu, Shamsudin mengetuai bacaan ikrar sebelum menyerahkan Surat Akujanji kepada Abdullah mewakili seluruh warga kementerian berkenaan.

Abdullah kemudiannya memasuki pejabat barunya di Aras 12, Kompleks Kementerian Kewangan, sebelum menghadiri sesi taklimat dan mesyuarat tertutup dengan pegawai-pegawai tertinggi kementerian dan agensinya.

-- BERNAMA
MAM MKO MAI